

# Fitnah: PM tidak akan guna ISA

14 JAN 1992

KUALA LUMPUR, Isnin — Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tidak akan digunakan terhadap pemimpin dan ahli Majlis Peguam ketika ini berhubung perbuatan mereka menyebarkan fitnah terhadap kerajaan di luar negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kerajaan berpendapat tindakan Majlis Peguam belum sampai ke tahap mengancam keselamatan dalam negara walaupun perbuatannya memburukkan nama negara adalah sesuatu yang tidak patut dilakukan oleh warganegara Malaysia.

“Ada masa-masanya kita menggunakan ISA, terutama apabila keselamatan negara terancam. Pada pandangan saya (tindakan Majlis Peguam) belum sampai kepada tahap itu.

“Sebaliknya, perbuatan memburukkan nama negara sendiri bukanlah sesuatu yang harus dibuat oleh warganegara, kalau pun mereka ada sedikit

perasaan cintakan negara sendiri.

“Hanya orang yang tidak cintakan negara sahaja sanggup memburukkan nama negara dengan menceritakan perkara bohong kepada orang lain,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan perkara itu selepas ditanya berhubung pendirian beberapa Ahli Parlimen Umno meminta kerajaan bertindak tegas terhadap Majlis Peguam, termasuk mengenakan ISA terhadap mereka ketika perbahasan pindaan Akta Profesion Undang-Undang 1976 di Dewan Rakyat November lalu.

Pendirian Ahli Parlimen Umno adalah berasaskan kepada sokongan mereka terhadap pindaan akta itu yang mewujudkan lembaga tatatertib untuk mengatasi masalah salah laku peguam dan kes tangguh di mahkamah.

Ditanya mengenai surat

beberapa persatuan peguam antarabangsa kepada Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, Syed Hamid Albar, yang membantah pindaan akta itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: “Itu memang cara Majlis Peguam. Dia selalu cuba menggunakan tekanan orang asing terhadap negara kita.”

Perdana Menteri berkata, Majlis Peguam yang seolah-olah kecewa dengan Malaysia merdeka seboleh-bolehnya cuba meletakkan negara terus di bawah penjajahan baru, iaitu melalui Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Menurutnya, kerajaan tidak boleh menerima sikap sedemikian kerana Malaysia mempunyai sistem dan penilaian tersendiri.

Mengenai Pergerakan Pemuda Umno meminta kerajaan mengkaji semula tawaran projek yang diberikan kepada firma guaman yang antikeraaan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan akan menimbang tuntutan itu.